

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM RASMI SEMPERNA KURSUS PRA-JUSA SIRI II BIL. 3/97  
Lokasi :  
Tarikh : 05-11-1997

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah terpilih mengikuti Kursus Pra-JUSA kali ini. Kursus ini merupakan satu fasa penting dalam kerjaya tuan-tuan dan puan-puan dalam Jawatan Utama Sektor Awam, satu jawatan yang mencabar dan yang membawa bersama tanggungjawab yang lebih besar. Dengan itu saya berharap tuan-tuan dan puan-puan menggunakan peluang di sepanjang kursus ini untuk mendapat sepenuh manfaat daripada program yang telah diatur.

2. Perkhidmatan Awam kita telah melalui berbagai perubahan. Setiap perubahan ini menguji keupayaan Perkhidmatan Awam menyesuaikan diri dengan keadaan baru serta kemampuannya menyediakan pengurusan dan pentadbiran yang lebih baik untuk pembangunan ekonomi dan sosial. Di samping itu pengharapan atau expectation rakyat yang semakin meningkat terhadap Perkhidmatan Awam juga perlu dipenuhi. Walaupun dalam menangani perubahan ini, kita terpaksa menghadapi berbagai cabaran, kita harus berbangga bahawa pada keseluruhannya kita telah mencapai kejayaan yang memberangsangkan. Prestasi Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan telah semakin meningkat. Kejayaan kita membantu negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi tidak dapat dipertikaikan. Perkhidmatan kepada pelanggan juga telah menampakkan perubahan yang ketara. Budaya kualiti telah semakin menyerlah dan menjadi amalan dalam pengurusan dan pentadbiran. Perkhidmatan kaunter di kebanyakan agensi Kerajaan, misalnya, semakin bertambah baik. Ini membuktikan bahawa program pembaharuan yang dilaksanakan selama ini telah menampakkan kesan yang menggalakkan. Usaha-usaha ini hendaklah diteruskan, malah dengan lebih gigih lagi kerana masih banyak perubahan yang perlu dilaksanakan untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa dan akan datang.

3. Dalam beberapa tahun lagi kita akan memasuki alaf baru, abad ke- 21. Sepanjang perkhidmatan saya dalam Perkhidmatan Awam, saya telah melihat pelbagai perkembangan baru berlaku tetapi ia tidak sehebat dan serancak dengan apa yang sama-sama kita alami sekarang.

Yang paling jelas ialah kesungguhan Kerajaan untuk membudayakan penggunaan teknologi maklumat secara meluas dalam jangka masa yang pendek. Kerajaan telah menyediakan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan, (National Information Technology Agenda) yang menyediakan rangka kerja bagi menjayakan matlamat ini dan baru-baru ini pula telah melancarkan Kempen Teknologi Maklumat. Program utama dalam rangka kerja ini ialah pembangunan Koridor Raya Multimedia, sebagai medan untuk menguji keupayaan negara menjadi pelopor dan penggerak pembangunan teknologi maklumat dan multimedia di rantau ini.

4. Sebagai pembekal utama perkhidmatan, Perkhidmatan Awam terlibat secara langsung dalam menjayakan agenda besar ini. Tanggungjawab yang paling mencabar ialah untuk membangunkan beberapa flagship applications. Alhamdulillah dengan usaha gigih dan dengan kerjasama rakan-rakan kita dari sektor swasta dan Multimedia Development Corporation (MDC) kita telah berjaya menyediakan 15 Concept Request for Proposals atau CRFP bagi projek perintis di bawah flagship Kerajaan Elektronik, Kad Serbaguna, Sekolah Bestari dan Teleperubatan. Kejayaan ini meyakinkan kita bahawa Perkhidmatan Awam mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam bidang baru yang mencabar ini. Namun ini hanya sebahagian daripada fasa pelaksanaan flagship tersebut. Masih banyak lagi tindakan yang perlu sama-sama kita lakukan untuk menjayakan program ini.

5. Saya percaya ada di antara tuan-tuan dan puan-puan terlibat dalam membangunkan aplikasi-aplikasi yang saya sebutkan tadi. Tetapi sebahagian besar daripada kita dan anggota Perkhidmatan Awam yang lain merupakan pengguna kepada aplikasi-aplikasi tersebut dan menjadi perantara di antara Kerajaan dengan pelanggan. Tugas ini amat penting kerana walau secanggih mana sistem yang dibangunkan, ia tidak akan memberi impak yang maksimum sekiranya kita tidak tahu dan mahir untuk menggunapakainya. Di sini ingin saya mengingatkan sekali lagi tentang pentingnya setiap anggota Perkhidmatan Awam dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang cukup untuk mengoperasi

sistem baru yang sedang dibangunkan ini. Kita tidak mempunyai masa yang panjang. Walaupun INTAN sedang giat berusaha untuk melatih lebih 130,000 anggota Perkhidmatan Awam dalam beberapa tahun ini, inisiatif secara individu perlu digalakkan. Inisiatif ini harus bermula dari pengurusan atasan. Sebagai ketua organisasi dan pegawai kanan kita harus menunjukkan teladan kepada staf dan kakitangan serta membuktikan kepada mereka bahawa kita bukan sahaja boleh menguasai ilmu dalam bidang baru ini malah boleh pula membimbing mereka. Apa yang membimbangkan ialah apabila ketua sendiri takut dengan komputer atau menghadapi apa yang dikatakan computerphobia.

6. Dari satu kajian yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara mengenai celik komputer, didapati tahap celik komputer ada kaitan dengan umur. Misalnya di kalangan mereka yang berumur di antara 25 hingga 35, tahap celik komputer ialah 16 peratus dan tahap ini menurun kepada 10 peratus bagi kumpulan umur di antara 35 hingga 44 tahun. Yang merisaukan ialah bagi mereka yang berumur 45 hingga 54, iaitu termasuk saya dan tuan-tuan dan puan-puan. Mengikut kajian tersebut tahap celik komputer bagi kumpulan ini hanya 6 peratus. Mungkin juga kita semua tergolong dalam 6 peratus. Apa yang saya ingin tekankan ialah sebelum kita mengarahkan pegawai dan staf di bawah kita menghadiri kursus komputer, kita sendiri perlu berusaha untuk mendekati komputer dan menggunakannya.

7. Saya tidak berhajat untuk memberi ceramah mengenai faedah yang diperolehi dari penggunaan berbagai perisian komputer dalam pengurusan dan pentadbiran. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum dan pernah membaca mengenainya dari berbagai majalah atau artikel yang semakin banyak di pasaran. Saya hanya ingin menyebutkan di sini bahawa buat permulaan setiap pengurus perlu membiasakan diri dengan perisian asas seperti menggunakan mel elektronik atau word processing.

Kebolehan ini perlu dipertingkatkan supaya kita berupaya memanfaatkan sepenuhnya dari kemajuan teknologi maklumat dan multimedia. Trend yang jelas ialah ke arah menguasai kemahiran baru iaitu 'soft information skill' bagi menangani information overload. Kemahiran ini, antara lain akan membolehkan kita mengakses, menapis, menilai dan mengguna semula berbagai maklumat dengan lebih berkesan.

8. Teknologi sebenarnya merupakan alat atau enabling factor yang membantu kita mencapai misi atau matlamat Perkhidmatan Awam, iaitu untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada Kerajaan dan rakyat. Pencapaian matlamat ini bergantung kepada kebijaksanaan kita menggunakan teknologi ke tahap optimum bagi memperbaiki sistem dan proses kerja supaya lebih cekap dan dapat memenuhi keperluan mereka. Dengan itu, semua usaha pembaharuan yang telah kita laksanakan selama ini masih relevan malah telah menyediakan asas kepada peningkatan yang lebih tinggi. Pelaksanaan program-program peningkatan kualiti dan produktiviti seperti melalui TQM dan MS ISO 9000 masih perlu diberi perhatian. Tetapi ianya hendaklah diolah begitu rupa supaya setiap sistem kerja atau proses mengambilkira keupayaan teknologi semasa untuk menjadikannya lebih baik, lebih mudah atau lebih ringkas. Sekiranya perlu, keseluruhan sistem dan proses tersebut terpaksa dirombak dan direkabentuk semula. Ringkasnya, kecanggihan teknologi hendaklah digunakan sepenuhnya untuk penambahbaikan yang berterusan yang merupakan konsep asas dalam pengurusan kualiti.

Saya sarankan supaya kesempatan di kursus ini, tuan-tuan dan puan-puan dapat bertukar fikiran dan pengalaman untuk membincangkan pendekatan yang sesuai supaya apabila memulakan tugas baru nanti, beberapa perubahan strategik boleh dirancang. Masanya amat bertepatan sekali kerana kita masih di fasa-fasa awal dalam pelaksanaan MS ISO 9000 dan Kerajaan Elektronik. Saya ingin melihat pelaksanaan kedua-dua program utama ini dijalankan seiring dan mengikut jadual yang ditetapkan.

I sincerely hope that you can make things happen and not just watch things to happen.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. JUSA adalah kumpulan teratas dalam hirarki Perkhidmatan Awam kita. Tuan-tuan telah melangkah ke jawatan penting ini. Langkah kali ini adalah lebih besar, malah yang terbesar dalam kerjaya tuan-tuan dan puan-puan. Kenaikan pangkat ke jawatan JUSA merupakan sesuatu yang diimpikan oleh ramai pegawai kanan Kerajaan. Tetapi tidak semua yang berjaya dan bernasib baik untuk memegang jawatan ini. Tuan-tuan dan puan-puan adalah antara yang berjaya kerana kecemerlangan perkhidmatan

masing-masing dan patut bersyukur atas kejayaan ini. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan gembira menerima pengiktirafan ini walaupun mungkin ada kegembiraan yang disulami risau. Saya faham kenapa wujudnya kerisauan ini. Pertama, mungkin memikirkan berbagai tugas dan tanggungjawab yang berat sedang menunggu. Sebahagiannya telah saya bayangkan di awal ucapan tadi dan saya tidak berniat untuk membesar- besarkannya kerana ini akan menambahkan lagi kerisauan. Kedua, mungkin kerana timing, iaitu ketika negara sedang menghadapi masalah kewangan. Sebab kedua ini banyak implikasinya. It means that we have to spend less to produce better quality service: to be more productive by producing more with less resources; and it also means that we have to work harder or smarter, or both.

10. Pengharapan Kerajaan terhadap kita semua untuk meringankan bebanan perbelanjaan ini adalah amat tinggi. Dengan itu tugas pertama tuan-tuan dan puan-puan ialah untuk menentukan amalan berhemat dan berjimat cermat dalam membelanjakan wang awam dipatuhi. Arahan terperinci telahpun digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 1997 yang dikeluarkan baru- baru ini dan sebahagian besarnya pernah saya sentuh dalam kenyataan-kenyataan saya sebelum ini. Jika kita benar-benar mematuhi peraturan yang ditetapkan ini dan mengadakan kawalan rapi terhadap perbelanjaan di agensi masing-masing, saya percaya kita masih boleh meneruskan program dan projek yang dirancang tanpa menjejaskan prestasi keseluruhannya walaupun peruntukan bagi program dan projek tersebut dikurangkan.

11. Salah satu langkah penjimatan ialah arahan Kerajaan supaya menggunakan produk keluaran tempatan. Arahan ini, antara lain, melibatkan keistimewaan kepada ahli-ahli pentadbiran dan pegawai kerajaan termasuk pegawai JUSA. Kalau sebelum ini pegawai JUSA kelihatan hebat memandu kereta Mercedes atau Volvo, tetapi dalam masa yang terdekat ini kita akan melihat pegawai-pegawai ini memandu Proton Perdana. Saya percaya tuan-tuan dan puan- puan tidak menganggap perubahan ini sebagai suatu yang menjatuhkan status JUSA atau yang melemahkan semangat. Malah kita harus lebih berbangga memandu kereta keluaran negara sendiri yang tidak kurang hebatnya. Di samping itu, kesediaan kita untuk menerima perubahan ini merupakan satu sumbangan ikhlas dalam sama-sama membantu negara untuk keluar dari masalah yang dihadapi sekarang.

12. Tuan-tuan dan puan-puan adalah pemimpin pelapis yang akan menerajui Perkhidmatan Awam di masa akan datang. Adalah menjadi harapan kita semua untuk melihat kecemerlangan Perkhidmatan Awam dipertingkatkan sejajar dengan perubahan dan dapat memenuhi pengharapan Kerajaan. Untuk tujuan ini kita memerlukan pengurus dan pemimpin yang profesional untuk mengemudi dan mengurus perubahan dengan cekap dan bijaksana. We need managers and leaders who are trained, skilled and competent in their respective fields of work as well as having qualities and virtues that distinguish them from the 'ordinary', imbued with high ethical values befitting that of professionals. Tentunya ciri-ciri ini tidak dapat dimiliki sepenuhnya hanya dengan menghadiri kursus pendek ini. Tetapi anggaplah Kursus Pra-JUSA ini sebagai peluang untuk menilai keupayaan daya kepimpinan dan meningkatkan keazaman ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang. Dengan itu saya mengharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada Kursus ini dan menimba sebanyak mungkin manfaat daripadanya.

13. Dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Pra-Jusa Bil. 3 Tahun 1997.